


Akhbar Ar'Ridwan

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

EDARAN PERCUMA
MAC
2018

VISI, MISI & MOTO

VISI	MISI	MOTO
Peneraju Institusi Pengurusan Hal Ehwal Islam yang cekap dan unggul di Malaysia menjelang 2020	Memantapkan perkhidmatan Hal Ehwal Islam dengan penjagaan Maqasid Syariah melalui pendidikan, pembudayaan dan pengawalan untuk melahirkan masyarakat khaira ummah	Merintis Kegemilangan Ummah

MATLAMAT STRATEGIK



PENGENALAN

Pelan Strategik JAIPk 2017-2021 ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik JAIPk 2011-2016. Ia diwujudkan bagi menetapkan hala tuju dan rangka kerja JAIPk bagi tempoh lima tahun seiring dengan matlamat negara untuk mencapai taraf negara maju seperti yang disasarkan dalam wawasan 2020.

Pelan Strategik ini digubal dengan mengambil kira fungsi JAIPk sebagai jabatan utama di peringkat negeri yang bertanggungjawab dalam urusan tadbir urus dan hal ehwal Agama Islam di negeri ini. Penggubalan pelan strategik ini turut mendasarkan kepada analisis persekitaran terhadap isu serta cabaran mengenai Islam dalam konteks semasa dan akan datang.

Pelan Strategik ini sangat penting sebagai panduan kepada seluruh warga JAIPk bagi melaksanakan agenda organisasi secara sistematis dan berkesan berdasarkan strategi yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga menjadi rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan JAIPk yang terdiri daripada pelbagai agensi, institusi, pertubuhan dan masyarakat di negeri ini.

RANGKAIAN STRATEGIK

Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak

Persidangan Ketua-ketua Majlis / Jabatan Agama Islam Negeri

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

KAPASITI ORGANISASI

Kapasiti organisasi JAIPk akan diperkuuhkan agar dapat melaksanakan bidang fokus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, matriks dan berdasarkan perancangan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritis dan strategik. Ini termasuklah perancangan strategik, proses perekayasaan, metodologi penyelidikan, perancangan dan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan prestasi.

RANGKAIAN KERJASAMA

JAIPk akan memantapkan kerjasama dengan pihak berkuasa agama di negeri-negeri yang lain selain sentiasa memantapkan kerjasama dengan agensi kerajaan di negeri ini. Selain itu, JAIPk juga sentiasa mengamalkan prinsip keterbukaan dan mengalu-alukan sokongan daripada pertubuhan serta badan-badan bukan kerajaan.

PENGURUSAN ILMU

Aspek pengurusan ilmu pengetahuan, perekayasaan pengalaman dan amalan terbaik dalam hal ehwal pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan sentiasa ditambah nilai melalui penambahbaikan sistem sedia ada. Penggunaan secara optimum sumber-sumber sedia ada akan memastikan kesinambungan kejayaan JAIPk.

KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

Kajian semula Pelan Strategik JAIPk akan dijalankan pada tahun 2019 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategi JAIPk.

Kenali ULAMA' PERAK



SYEIKH ABDULLAH FAHIM BIN HJ. IBRAHIM

Syeikh Abdullah Fahim dilahirkan di Mekah pada tahun 1878 Masehi. Beliau adalah merupakan anak kepada Haji Ibrahim, seorang ulama besar dan terkenal di Masjidil Haram Mekah. Al'Allamah Syeikh Abdullah Fahim adalah merupakan datuk kepada mantan Perdana Menteri ke-5 Tun Dato' Seri Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Nama Masyhurnya ialah Abdullah Fahim yang berasal daripada Pak Him iaitu panggilan hormat daripada orang Malaysia kepada ayahanda beliau Haji Ibrahim. Warisan kealiman bapanya telah dimiliki oleh beliau sendiri sehingga beliau terus dipanggil menurut lidah Arab Abdullah Fahim iaitu Tuan Abdullah yang faham dan luas ilmunya.


SUMBANGAN

Sumbangan Al'Allamah Syeikh Abdullah Fahim kepada negeri Perak sangat besar dan jelas. Syeikh Abdullah Fahim pernah menjadi mudir ketiga Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, sebuah institusi agama yang tinggi yang banyak melahirkan tokoh-tokoh negeri Perak suatu waktu dahulu. Syeikh Abdullah Fahim pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perak tahun 1931 – 1946.

PRINSIP PENDIDIKAN

Syeikh Abdullah Fahim lebih mengutamakan disiplin dalam menyampaikan pengajarannya. Beliau mengemukakan tafsiran kepada ayat al-Quran secara tahqiq berpandukan kepada tafsiran muktabar. Murid-muridnya pada peringkat tinggi digalakkan membaca tafsir Al-Baidhawi, Al-Khazin, An-Nasafi dan Ibni Abbas. Murid-murid di peringkat rendah pula dimestikan mengikuti pengajian Ummi membaca tafsir Al-Jalalain pada tiap-tiap hari selepas solat subuh dan maghrib. Beliau juga mendisiplinkan ilmu-ilmu kepada anak-anak muridnya dengan cara menghafaz matan-matan Ilmu Tauhid, Fiqah, Hadis dan lain-lain supaya segala yang dihafaz tertanam di dalam ingatan murid-murid beliau.

Semoga Allah akan mencucuri rahmat ke atas roh beliau dan ditempatkan bersama-sama orang yang memperolehi kenikmatan di dalam syurga kelak.



SYEIKH HAJI NAWAWI B. HJ. MOHD. TAHR

Allahyarham Tuan Hj. Nawawi telah dilahirkan pada tahun 1881/1300H.

PENDIDIKAN

Pendidikan awal Allahyarham adalah daripada bapa saudaranya iaitu Tuan Hj. Mohd. Shafie Losong Terengganu. Selepas itu beliau telah mendalami ilmu agama daripada Tuan Hj. Hussain Al-Banjari di Pondok Pokok Sena, Seberang Perai, Pulau Pinang selama lebih kurang 8 tahun.

SUMBANGAN

Allahyarham pernah dilantik sebagai penasihat Agama kepada 5 orang Sultan Perak dari Sultan Alang Iskandar hingga ke Sultan Abdul Jalil. Allahyarham merupakan seorang penasihat agama kepada sultan dan benar-benar menjalankan tugasnya sebagai ulama' yang berani menegur apa yang dirasakan perlu ditegur.

Allahyarham adalah anggota pengasas Madrasah Idrisiah Bukit Chandan bersama beberapa orang ulama' terkemuka seperti Syeikh Hassan Yamani (bapa kepada Syeikh Ahmad Yamani – Bekas Menteri Minyak Saudi), Syeikh Abdullah Maghribi dan Syeikh Abdullah Fahim (datuk kepada Tun Dato' Seri Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi).

Allahyarham mempunyai 24 orang anak dari 3 orang isteri. Beliau dikenali sebagai Tuan Che'Wi Janggut Merah kerana beliau selalu menginaikan janggut dan rambut beliau supaya kemas. Allahyarham sememangnya memiliki sifat yang berani dan tegas dalam mempertahankan hukum-hukum Islam.

Banyak peristiwa-peristiwa yang mencari adat berlaku semasa Allahyarham masih hidup dan ketika Allahyarham meninggal dunia. Antara perkara yang mencari adat semasa masih hidup ialah "komunis telah memasukkan Pak Wi ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam laut di Pantai Remis. Apa yang berlaku ialah di dalam guni tersebut ialah sebiji batu besar sedangkan Pak Wi Janggut Merah berada di rumahnya ketika itu".

Selain itu peristiwa pelik semasa Allahyarham meninggal, daun pisang yang diletak di atas periuk nasi tidak layu atau kering selama 40 hari. Nasi tersebut untuk makanan semasa urusan penyempurnaan jenazah beliau.

Allahyarham Tuan Hj. Nawawi b. Hj. Tahir meninggal dunia pada 21.7.1969 dan Allahyarham meninggalkan 24 orang anak dan 3 orang isteri.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau dan dihimpunkan bersama-sama orang yang mendapat kemenangan.

ZIARAH MAHABBAH HOSPITAL

Sepanjang tahun 2018 bahagian dakwah JAIPk telah melawat beberapa buah hospital sekitar negeri Perak sebagai salah satu program di bawah unit pembinaan saksiah. Sebanyak 9 buah hospital telah tersenarai dalam lawatan untuk tahun ini. Setakat bulan Mei ini, sebanyak 7 buah hospital telah berjaya dilawati.

Program ziarah dakwah ini diadakan untuk meringankan beban dan menggembirakan para pesakit selain dapat menjalinkan hubungan sesama manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Antara lain juga dapat beramah mesra dengan pesakit dan bertanya khabar di samping menghulurkan sedikit sumbangan kepada setiap pesakit yang berada di hospital tersebut.

Pihak hospital memberikan kerjasama yang sangat baik, sekulung ucapan terima kasih buat semua warga hospital Negeri Perak atas layanan dan sambutan anda terhadap kunjungan JAIPk.



Keterangan Gambar

1. Kakitangan dakwah, kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Taiping, wakil NGO Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Cawangan Taiping dan wakil Persatuan Cina Muslim Taiping (MACMA) bersama pengarah Hospital Taiping sempena ziarah mahabbah di Hospital Taiping pada 3 April.
2. Tuan Haji Mustapa bin Haji Jaafar Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Teluk Intan mengetuai ziarah ke Hospital Teluk Intan pada 20 Mac bersama kakitangan Bahagian Dakwah dan wakil NGO Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Cawangan Teluk Intan.
3. Wakil NGO Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Cawangan Ipoh menandatangani buku pelawat ketika sesi ziarah ke wad pesakit lelaki (7A & 7B) Hospital Bainun Ipoh pada 27.3.2018 anjuran Bahagian Dakwah JAIPk. Lawatan juga disertai oleh kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Ipoh.
4. Pegawai Tadbir Agama Daerah Gerik Tuan Supian bin Abdul Latif bertanya khabar kepada salah seorang daripada 40 pesakit di Hospital Gerik pada kunjungan yang turut dihadiri kakitangan Bahagian Dakwah JAIPk, kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Gerik, ahli Persatuan Saudara Kita Daerah Gerik dan Persatuan Anak Gerik di Perantauan (PAGAR) pada 15 Mei.
5. Sesi taklimat ringkas disampaikan oleh Pengarah Hospital Kuala Kangsar kepada kakitangan Bahagian Dakwah JAIPk, Tuan Pegawai Tadbir Agama serta kakitangan di Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Kangsar serta ahli Persatuan Soutul Nisak Daerah Kuala Kangsar dan Persatuan Informasi Islam Negeri Perak sebelum bermulanya ziarah ke wad Penyayang (palliatif), wad lelaki, wad wanita, wad bersalin dan wad kanak-kanak di Hospital Kuala Kangsar pada 25 Mei.
6. Salah seorang kakitangan Pejabat Agama Daerah Parit Buntar bersama pesakit kanak-kanak semasa ziarah ke Hospital Parit Buntar pada 9 April bersama kakitangan Bahagian Dakwah JAIPk, kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Parit Buntar dan 3 orang wakil pihak NGO Pertubuhan Komuniti Penyayang Malaysia.
7. Pengarah hospital Dr. Haji Mohd Yasim bergambar bersama kakitangan Bahagian Dakwah JAIPk, kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Muallim dan ahli Persatuan Saudara Kita Daerah Muallim selepas ziarah bertarikh 3 Mei di Hospital Slim River.



KURSUS IMAM DAN BILAL SAUDARA KITA 2018

Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Perak menganjurkan Kursus Imam dan Bilal Saudara Kita sebanyak 12 Siri pada tahun 2018 ini yang berlangsung selama 3 hari 2 malam di pusat kegiatan dakwah JAIPk.

Daripada 12 siri tersebut 6 siri dikhatusukan kepada imam dan bilal dalam kalangan Orang Asli manakala selebihnya dikhatusukan kepada masyarakat Cina dan India. Bagi tempoh Januari hingga Mei sebanyak 5 siri kursus telah dijalankan membabitkan tiga kursus untuk masyarakat Orang Asli dan dua kursus untuk masyarakat Cina dan India. Para peserta yang mengikuti kursus ini diwajibkan untuk mempelajari dan memahami pembelajaran berkaitan Taharah, Solat dan Hafazan al-Quran dengan modul-modul yang telah ditetapkan dengan mudah dan cepat untuk difahami. Ini kerana sebagai seorang imam dan bilal mereka haruslah mengetahui dan menguasai ilmu-ilmu asas tersebut untuk menjadi pemimpin kepada masyarakat mereka di masa akan datang. Selain itu setiap peserta diwajibkan untuk menghafal surah al fatihah dan bacaan rukun qauli yang lain. Di samping mereka juga digalakkan untuk menghafal surah-surah pendek sebagai latihan dan bacaan doa selepas solat.

KURSUS IMAM DAN BILAL SAUDARA KITA SIRI 1: 27 - 29 MAC



KURSUS IMAM DAN BILAL SAUDARA KITA SIRI 2: 4 - 6 MEI



KURSUS IMAM DAN BILAL ORANG ASLI SIRI 1: 20 - 22 MAC



KURSUS IMAM DAN BILAL ORANG ASLI SIRI 2: 3 - 5 APRIL



KURSUS IMAM DAN BILAL ORANG ASLI SIRI 3: 24 - 26 APRIL





MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

Bagan Datuk, 13 Januari 2018 : Alhamdulillah dengan jayanya satu perjumpaan di antara surau, masjid dan sekolah agama rakyat bagi daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak telah diadakan di Dewan Dato' Mohamed Jamrah, Sg Sumun. Program ini dihadiri seramai 1200 orang tetamu dan bermula dengan forum santai bertajuk "Memperkasakan Institusi Agama" yang telah disampaikan oleh 2 orang panel yang berpengalaman luas di dalam bidang masing-masing iaitu al-Fadil Ustaz Saiful Azizi Ketua Penolong Pengarah Bahagian Masjid JAIPk dan Ustaz Munawir Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAIPk dan diterajui oleh seorang moderator yang tidak asing lagi Ustaz Imran Penolong Pengarah Kanan (Takmir).

Turut hadir Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, Pengarah JAIPk Ybhg. Dato' Hj Mohd Yusof bin Hj Husin serta ketua-ketua jabatan dan telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato'Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Dalam majlis ini telah disampaikan beberapa anugerah antaranya Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Khidmat Terbaik dan satu Anugerah Khas Multaqa yang telah diberikan kepada Tuan Haji Harun bin Osman atas jasanya yang begitu banyak dalam menyebarkan dakwah khususnya di daerah Bagan Datuk.

Semoga dengan adanya program Multaqa Permuafakatan Masjid, Surau dan Sekolah Agama Rakyat Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk ini dapat mengeratkan ukhwah dalam kalangan institusi surau, masjid dan sekolah agama rakyat yang mana semua institusi ini berperanan besar dalam menyampaikan mesej-mesej agama kepada masyarakat.

PAKKIS - SANTUNI KHALIFAH KECILMU

Ipoh, 27 - 28 Januari: Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak telah mengadakan Seminar Pendidikan Awal Kanak-Kanak menurut Perspektif Islam (PAKKIS) & Karnival Usahawan Tahun 2018 bertempat di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM). Program yang diadakan selama 2 hari ini mendapat sambutan yang luar biasa daripada semua pihak dengan mencatat kehadiran lebih 5000 orang pengunjung. Program PAKKIS ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Mohd Nizar bin Zakaria iaitu Pengurus Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam Dan Pembangunan Sahsiah Negeri Perak.

Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan menerapkan Ilmu Pendidikan Awal Kanak-Kanak menurut Perspektif Islam kepada guru-guru, ibu bapa dan masyarakat. Selain itu, pelbagai aktiviti dianjurkan bagi memeriahkan program seperti Ceramah Perdana daripada penceramah selebriti Ustaz Ebit Lew, Ustaz al-Badrul bin Ramli dan Tuan Haji Zakaria bin Nasiruddin. Pertandingan kolaj, mewarna dan rekaan robotik mendapat sambutan yang hangat daripada kanak-kanak Tadika Islam Perak dan tadika swasta yang terlibat. Dalam masa itu, program Malam Kesenian Islam turut dipadatkan dengan selawat qasidah hasil kolaborasi pelajar Tahfiz Negeri dan kanak-kanak Tadika Islam Perak, nyanyian nasyid, tazkirah oleh

Ustaz Ahmad Munawir serta bacaan taranum al-Quran daripada tetamu undangan.

Di samping itu, ceramah dan simulasi kebakaran dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Perak turut diadakan pada hari terakhir seminar ini bagi memberikan pendedahan kepada ibu bapa, pengusaha tadika dan taska serta semua pengunjung tentang pendedahan awal sewaktu menghadapi kemalangan yang tidak diingini. Seminar ini juga dimeriahkan lagi dengan gerai-gerai jualan, pameran keusahawanan dan pameran pendidikan. Dengan adanya gerai-gerai ini, secara tidak langsung dapat membantu memasarkan Produk Usahawan Islam di negeri Perak ke peringkat yang lebih tinggi.

Majlis penutup dimeriahkan lagi dengan majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan kolaj, rekaan robotik, mewarna dan cabutan bertuah. Dengan adanya seminar ini, masyarakat dapat melahirkan generasi kanak-kanak yang diterapkan didikan Islam dalam membentuk sahsiah mereka. Bak kata pepatah Melayu, "melentur buluh biarlah dari rebungnya" yang bermaksud hendaklah mengajar dan mendidik anak-anak dari usianya masih kecil kerana apabila anak-anak sudah besar cabaran yang perlu dihadapi lebih besar.



JAIPk IKRAR BEBAS RASUAH

Ipoh, 29 Januari 2018 : Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin hari ini telah menandatangani Sijil Ikrar Bebas Rasuah dan sekaligus membuktikan komitmen beliau di dalam memerangi rasuah di peringkat jabatan. Komitmen integriti ini meliputi ketelusan di dalam pengurusan tender jabatan, kontrak-kontrak jabatan, pengurusan perolehan-perolehan secara sebutharga mahupun perolehan terus, emolument dan tuntutan-tuntutan serta ketelusan di dalam semua bidang di JAIPk.

Seramai lebih 300 anggota perkhidmatan yang berkhidmat di JAIPk telah menyaksikan proses menandatangani Sijil Ikrar Bebas Rasuah tersebut. Proses menandatangani Sijil Ikrar Bebas Rasuah ini telah berlangsung di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan "Executive Talk" bagi tahun 2018 bertempat di Institut Tadbiran Islam Negeri Perak.

Turut berlangsung perasmian Buku Panduan Pengurusan Majlis dan Acara yang akan diterbitkan selepas ini melalui penulisan dari anggota Bahagian Khidmatan Pengurusan JAIPk bagi melancarkan program-program yang akan dianjurkan oleh JAIPk selepas ini.

Turut hadir, YB Dato' Mohd Nizar bin Zakaria selaku Pengurus Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah, Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin selaku Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan Dato' Zainol bin Idrus Pengarah SPRM Negeri Perak.

SYEIKH ARAB KECEK KELATE

Ipoh, 1 Februari 2018: Nama Syeikh Mohammad AbdelAziz Mahmoud Ghonim bukanlah asing bagi warga JAIPk, seorang ahli Majlis Fatwa al-Azhar Mesir dan pendakwah bebas. Anak kelahiran bumi Mesir ini diundang khas ke negeri Perak sebagai penceramah program daurah ilmi anjuran bahagian dakwah JAIPk.

Beliau yang terkenal dalam kalangan orang Perak dengan jolokan nama Sheikh Ghonim adalah seorang yang fasih bertutur bahasa Melayu dialek Kelantan. Keistimewaan yang dimiliki oleh beliau ini merupakan satu tarikan luar biasa yang menjadikan sesi ceramah beliau sentiasa mendapat sambutan dan perhatian pendengar. Oleh itu, tidak hairanlah beliau sering mendapat undangan dari pelbagai agensi sama ada masjid atau surau, sekolah, jabatan kerajaan maupun swasta.

Program daurah ilmi siri 1 ini bermula dari 1 hingga 7 Februari 2018, dan sepanjang berada di tanah Darul Ridzuan ini, Sheikh telah menyampaikan ceramah tanpa jemu tidak kira siang atau malam, dakwah tetap diteruskan malah beliau juga berkesempatan memberi ceramah di perkampungan Orang Asli. Secara tidak langsung, usaha dakwah dapat dilebarkan buat segenap lapisan masyarakat. Kepakaran Syeikh Ghonim dalam bidang fatwa juga memberi ruang kepada masyarakat untuk berkongsi pandangan dan keilmuan yang dimiliki beliau.

Penganjuran program seumpama ini adalah sebahagian di antara usaha dakwah yang dilakukan oleh JAIPk untuk memberi peluang kepada masyarakat Islam di negeri ini khususnya bagi mendengar dan mempelajari secara langsung dari tokoh-tokoh ulama luar negara. Semoga program ini akan terus menyemarakkan lagi budaya dan kecintaan terhadap ilmu dan dakwah terhadap umat Islam.



MANDAT 2018 : TANGGUNGJAWAB DIPIKUL AMANAH DIJUNJUNG

Ipoh, 5 Februari 2018 : Majlis Perutusan Amanat 2018 bersama pendakwah negeri Perak dianjurkan oleh Bahagian Dakwah, JAIPK. Majlis tersebut berlangsung di Hotel Impiana bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 1.30 petang yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dakwah termasuk kakitangan dakwah di pejabat agama daerah, mubaligh Islam dan penggerak masyarakat Orang Asli, yang menghimpunkan seramai 120 orang yang bergiat aktif dalam melaksanakan dakwah di seluruh negeri Perak.

Majlis perutusan ini dirancang bertujuan bagi menyampaikan hasrat misi dan visi jabatan secara amnya dan visi dan misi Bahagian Dakwah JAIPk secara khususnya. Majlis dimulakan dengan kuliah dhuha disampaikan oleh ahli fatwa Mesir Syeikh Mohammad AbdelAziz Mahmoud Ghonim yang fasih berbahasa melayu. Beliau menekankan aspek masalah-masalah fiqh yang berlaku dalam

masyarakat Islam khususnya di negara Malaysia dalam konteks " Fiqh ad-Dakwah " dengan memberi kefahaman yang mudah mengikut keadaan persekitaran masyarakat sesuatu tempat. Ucapan utama dalam Majlis Perutusan Amanat 2018 telah disampaikan oleh Pengarah JAIPk Ybhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin. Dato' menegaskan bahawa tahun ini pihak jabatan memfokuskan peningkatan dan pemahaman dasar serta halatju dakwah bagi tahun 2018 di samping mewujudkan budaya kerja harmoni dalam organisasi.

Dato' juga berharap agar program yang diadakan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara pegawai. Majlis tersebut juga memberi ruang kepada Mubaligh dan Penggerak (MUBARAK) untuk mendapatkan penjelasan berkaitan gerak kerja dakwah di lapangan serta menyediakan platform yang sesuai untuk menyalurkan maklumat rasmi jabatan.

KINI LEBIH MANTAP

Ipoh, 7 & 8 Februari 2018 : Bahagian Dakwah JAIPk melalui Unit Dakwah Orang Asli dan Saudara Kita telah mengadakan satu bengkel penyelarasan bagi guru-guru Fardu Ain saudara baru. Tarikh ini telah menjadi saksi guru-guru Fardu Ain saudara baru kini lebih mantap untuk mendidik muallaf dengan penuh keyakinan dan lebih sistematis. Program ini diadakan bertujuan untuk menyelaraskan sistem pembelajaran dan pengajaran untuk guru-guru Fardu Ain saudara baru dengan menggunakan bahan rujukan yang telah ditetapkan serta membentuk sistem penyeliaan yang berkesan. Program ini memberikan latihan yang berterusan kepada semua guru-guru Fardu Ain. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Dakwah JAIPk Tuan Haji Kamal bin Mohamad Noor.

siri kedua telah diadakan di Rumah Rehat Kampar pada 14-15 Februari. Antara pengisian bengkel termasuk ceramah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, taklimat pengurusan wang, taklimat sukanan pembelajaran yang ditetapkan dan lain-lain lagi. Bengkel ini akan diadakan secara berkala dan berterusan untuk memberikan latihan yang berterusan kepada semua guru-guru Fardu Ain.

guru Fardu Ain.

Program ini turut melibatkan tenaga pengajar daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak bagi menyediakan latihan kepada guru-guru Fardu Ain saudara baru supaya dapat menguasai kaedah dan teknik pengajian yang tepat. Selama tempoh bengkel ini diadakan, guru-guru telah diperkenalkan dengan kaedah pedagogi yang telah dibentangkan oleh Dr. Mohamad Yusri bin Bakir tenaga pengajar dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Mudah-mudahan usaha yang telah dilakukan ini akan membawa hasil kelak dan diterjemahkan dengan amalan para pelajar di kalangan saudara baru.





Ipo, 7 Februari 2018 : Majlis Menghafaz al-Quran peringkat saringan telah diadakan dengan jayanya pada 7 Februari di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM). Seramai 84 orang peserta perempuan dan 135 orang peserta lelaki. Peserta mestilah tidak melebihi umur 25 tahun.

Hasil daripada saringan tersebut, seramai 9 orang pelajar lelaki dan 9 orang peserta wanita berjaya melayakkan diri ke peringkat negeri bagi kumpulan lelaki dan wanita kategori 1-10 juzuk, 1-20 juzuk dan 1-30 juzuk.

Seterusnya pada 21-22 Mac bertempat di Impiana Casuarina Meru, Ipoh telah berlangsungnya pertandingan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Perak. Program yang berlangsung selama 2 hari itu turut diadakan bersama dengan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perak.

MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN MENGUJI KEBOLEHAN PARA HUFFAZ NEGERI PERAK

Pertandingan menghafaz peringkat negeri ini telah melayakkan 6 orang wakil peserta yang mewakili negeri Perak ke peringkat kebangsaan. Mereka yang terpilih ialah Amril Syafiq bin Ahmad, Johan Kategori 1-30 Juzuk (Lelaki), Mahirah binti Ridzuan, Johan Kategori 1-30 Juzuk (Perempuan), Muhammad Dzulfaqor bin Mohd Zaine, Johan Kategori 1-20 Juzuk (Lelaki), Puteri Balqis binti Roslan, Kategori 1-20 Juzuk (Perempuan), Haziq Muhsin bin Mohd Nizam, Johan Kategori 1-10 Juzuk' (Lelaki) dan Nurin Adriana binti 'Affan Arkam, Johan kategori 1-10 Juzuk(Perempuan).

Selepas menang di peringkat negeri, satu program telah diadakan bagi semua peserta yang telah melayakkan diri ke peringkat kebangsaan. Program tersebut ialah Kursus Tahsin Hafazan Kebangsaan yang berlangsung pada 1-30 Mac. Program ini dijalankan bagi melancarkan lagi bacaan dan hafazan sebagai persediaan untuk ke peringkat kebangsaan. Program ini telah diselaraskan oleh Ustazah Asma Liza binti Abu Said dengan bimbingan al-Fadil Ustaz Radzi bin Kamarul Hailan, al-Fadil Ustaz Fakrurrozi bin Baharudin dan juga pensyarah tahniz dari institusi ini.

Pada 1 hingga 6 April 2018 telah berlangsungnya

Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kompleks Islam Putrajaya. Peserta diiringi oleh al-Fadil Ustaz Osman bin Ahmad dan Ustazah Asma Liza binti Abu Said. Pertandingan ini disertai oleh semua johan-johan hafazan dari seluruh Malaysia.

Alhamdulillah, wakil dari Perak berjaya membawa balik 2 kejayaan pada tahun ini iaitu Muhammad Dzulfaqor bin Mohd Zaine, Johan Kategori 1-20 Juzuk Peringkat Kebangsaan dan Haziq Muhsin bin Mohd Nizam, Naib Johan Kategori 1-10 Juzuk peringkat kebangsaan. Terdahulu Muhammad Dzulfaqor bin Mohd Zaine telah menjadi Johan di pertandingan yang telah diadakan di Jakarta iaitu "THE ANNUAL PRINCE SULTAN ABDUL AZIZ COMPETITION ON THE MEMORIZATION OF QURAN AND SUNNAH FOR ASEAN AND PACIFIC COUNTRIES"

Semoga dengan adanya pertandingan seperti ini dapat memupuk semangat cintakan al-Quran dan sentiasa mahu memperbaiki bacaan sehingga ke tahap yang paling baik. Dengan usaha yang tidak putus asa, tidak mustahil untuk negeri Perak membawa lebih banyak kemenangan pada tahun hadapan.

JAIPk BAKAL WUJUDKAN GOLONGAN PROFESIONAL HADITH DI NEGERI PERAK

Kuala Kubu Baru, 14 Februari 2018 : Delegasi Jabatan Agama Islam yang diketuai oleh Timbalan Pengarah JAIPk al-Fadil Ustaz Harith Fadzillah bin Abdul Halim, Pengetua INTIM Tuan Haji Jamil Bin Mohd Sapri, Timbalan Pengetua Tahfiz al-Fadil Ustaz Saifuldin bin Haji Nawawi bersama barisan pensyarah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak (MTQN) telah membuat satu lawatan ke Darul Quran (DQ) Kuala Kubu Bharu.

Tujuan pertemuan ini diadakan adalah untuk membincangkan tentang perancangan bagi mewujudkan Syukbah Hadith di MTQN di negeri Perak ini. Ini bagi mewujudkan syukbah baru selepas 32 tahun MTQN mengadakan hanya satu syukbah pengajian sejak 1986 iaitu Syukbah Qiraat.

Darul Quran (DQ) telah menawarkan Pengajian Syukbah Hadith kepada pelajar di Darul Quran (DQ) sejak tahun 2009 dan kini telah ramai lepasan Darul Quran (DQ) yang telah berjaya melanjutkan pelajaran dalam Peringkat Ijazah di beberapa universiti tempatan.

Tujuan utama Syukbah Hadith muah diadakan adalah bagi mewujudkan golongan profesional dalam bidang Hadith terutamanya di negeri Perak. Kita telah melahirkan ramai hafiz dan hafizah yang telah berjaya di pelbagai peringkat. Kali ini kita mensasarkan untuk melahirkan lebih ramai pengkaji-pengkaji Hadith.

Taklimat terperinci tentang Syukbah Hadith telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Syubah Hadith Darul Quran (DQ) al-Fadil Ustaz Safuan bin Hasan. Pelbagai perkara telah dibincangkan antaranya ialah subjek matapelajaran, kewangan, keperluan pelajar dan banyak lagi.

Golongan cendiakawan dan pakar dalam ilmu Hadith sangat diperlukan bagi menyuburkan kembali ilmu-ilmu Hadith serta memerangi golongan anti Hadith, Hadith-hadith palsu dan sebagainya. Ini juga bagi melahirkan lebih ramai penuntut ilmu Hadith. Semoga usaha yang murni ini berjalan lancar dan dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang.



MAJLIS TILAWAH AL-QURAN

menyertai ujian tersebut, dan seramai 8 orang qari dan qariah yang layak mendapat markah 80 ke atas telah terpilih ke Peringkat Akhir Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perak pada tahun ini bersama johan menunggu qari dan qariah.

Pemilihan peserta tahun ini diadakan melalui uji bakat tilawah al-Quran peringkat zon, sebanyak 4 zon telah dijelajahi untuk mendapatkan peserta dari seluruh negeri Perak. Pemilihan peserta juga dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori remaja dan dewasa bertujuan memberi ruang kepada lebih ramai bakat baru untuk mencuba nasib. Ternyata taruhan ini berjaya apabila ramai kalangan anak muda dan remaja yang berminat menyertai. Malah Perak telah melakar sejarah apabila kesemua peserta yang bertanding ke Peringkat Akhir Majlis Tilawah al-Quran 1439H/2018M seramai 10 orang ini terdiri daripada orang muda. Inilah antara hasrat besar melalui pertandingan yang diadakan sebenarnya ingin mencungkil lebih ramai lagi para remaja dan belia untuk sama-sama mengorak langkah mencebur

tilawah.

Majlis tilawah kali ini juga mempunyai keunikan untuk peserta qariahnya apabila terdapat dua pasangan adik-beradik bertanding dan apa yang membanggakan keempat-empat mereka adalah peserta termuda. Qari juga tidak kurang hebatnya apabila kelima-lima peserta memberikan saingan yang sengit untuk menobatkan diri sebagai juara.

Akhirnya pentas Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perak sudah melabuhkan tirai dan johan qari disandang oleh Dr. Anuar bin Hasin. Manakala Puteri Kalimatul Azzua binti Hamid berjaya mendahului qariah lain untuk bergelar juara tahun ini.

Kedua-dua johan qari dan qariah ini telah berjaya melayakkan diri untuk bertanding di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Auditorium Kompleks Islam Putrajaya JAKIM pada 1-6 April. Peserta qari Perak Dr. Anuar bin Hasin berjaya mengharumkan negeri Perak apabila berjaya mendapat tempat ketiga dalam majlis tilawah peringkat kebangsaan ini.



Ipo, 21-22 Februari 2018 : Pusat Konvensyen Amanjaya Bandar Meru Raya sekali lagi menjadi saksi berlangsungnya Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perak. Seramai 5 qari dan 5 qariah telah memperdengarkan bacaan dalam majlis yang bermula jam 9.00 malam pada malam pertama.

Sebelum itu telah diadakan ujian saringan tilawah al-Quran pada 10 Februari bertempat di Hotel Casuarina Meru. Seramai 12 orang peserta telah

MENCARI DAMAI DI RUMAH ALLAH

22-23 Februari 2018 : Program Qiamullail, Kempen Solat Subuh Berjemaah & Fit Masjid daerah Kinta telah diadakan di Masjid al-Muttaqin, Taman Meru. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran peserta seramai 750 orang dari institusi pendidikan sekitar Ipoh dan sekolah bersama ahli kariah. Seterusnya, majlis dimulakan dengan solat maghrib berjemaah dan diikuti dengan bacaan yasin yang dipimpin oleh pegawai masjid tempatan. Antara objektif program ini adalah untuk merapatkan hubungan kekeluargaan bagi masyarakat setempat dan mewujudkan program semarakkan masjid. Sebaik bacaan Yasin, solat berjemaah dan makan malam. Program seterusnya diisi oleh Jabatan Belia dan Sukan dengan slot Diskusi Muhammad

al-Fateh. Pada sebelah malam pula, acara ditutupi dengan minum malam. Jam 3.15 pagi jemaah dikejutkan untuk mendirikan qiamullail bersama pemimpin yang dihadiri oleh YAB Menteri Perak Dato' Seri Dr. Zambry bin Abdul Kadir diiringi oleh EXCO-EXCO Kanan Negeri, Pengarah JAIPk, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan. Qiamullail bermula jam 4.00 pagi, diikuti dengan solat subuh berjemaah, kuliah subuh dan acara penutup di dalam masjid dengan pelancaran Jom Solat Subuh Berjemaah serta penyampaian kain rentang kepada masjid-masjid terpilih. Acara penutup keseluruhan adalah "funwalk" sejauh 2 km dan disudahi dengan pemberian sijil.



NAMUN KU PUNYA HATI

*Tidak ku minta lahir ke dunia
Tidak ku duga cacat begini
Bukan ku minta kasih dan manja
Bukan ku rayu bantu simpati*

23 Februari 2018: Bait-bait ayat di atas amat menyentuh hati, sebagai insan biasa pasti kita tidak terlepas melalui perjalanan hidup getir, semua manusia mengharapkan kehidupan yang sempurna, sihat tubuh badan dan sempurna akal fikiran, namun takdir Allah SWT tiada siapa yang menduga, begitulah juga kisah pilu dan sedih yang menimpa sebahagian dari kita, saat dilahirkan keadaan tidak sempurna seperti insan lain, namun hidup tetap diteruskan demi kelangsungan hayat selagi nyawa dikandung badan.

Ada dalam kalangan mereka tergolong sebagai OKU seperti pekak, bisu, buta dan cacat anggota, namun kewajipan sebagai seorang Muslim tetap wajib ditunaikan. Walaupun mereka mempunyai kekurangan fizikal, namun kesungguhan mereka untuk menuntut ilmu agama sangat tinggi dan

sikap mereka ini harus dipuji serta perlu dibantu.

Justeru itu, JAIPk melalui bahagian dakwah telah mengambil langkah mewujudkan kelas Fardu Ain kepada mereka sebagai tanggungjawab ke atas OKU Islam di negeri Perak dan salah satu prinsip bahagian dakwah ialah dakwah kepada semua tanpa ada yang terpinggir. Kelas ini telah berlangsung selama dua tahun sejak 2017 lagi.

Kelas yang dihadiri peserta kurang upaya ini berjalan setiap hari jumaat jam 9.30 hingga 11.30 pagi. Setakat ini mempunyai seramai 15 orang terdiri dari wanita dan lelaki, manakala tenaga pengajar sepenuhnya dari bahagian dakwah JAIPk. Rata-rata peserta yang hadir merasa bersyukur kerana inilah satu-satunya peluang mereka mempelajari dan mendalami ilmu agama supaya boleh berdikari dan meningkatkan ilmu mengenai hukum-hakam agama memandangkan mereka tidak didedahkan dengan ilmu yang demikian sebelum ini.

Oleh itu, Bahagian Dakwah JAIPk amat mengalu-alukan lebih ramai lagi OKU di luar sana untuk menyertai kelas agama ini. Untuk maklumat lanjut berkaitan kelas sila hubungi Bahagian Dakwah di talian 05-2084931 (Ustaz Mohd Noor Hakimi bin Abdul Karim).

GONG XI FA CHAI

Ipoh, 25 Februari 2018 : Saban tahun sambutan Tahun Baru Cina pasti meriah sekali. Ianya bukanlah satu perayaan asing bagi masyarakat berbilang bangsa di negara kita untuk sama-sama meraikannya. Malah sambutan Tahun Baru Cina yang diadakan di Masjid Muhammadiah atau lebih dikenali jolokan nama Masjid Cina sangat meriah dengan kehadiran orang ramai yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Orang ramai berpeluang menyaksikan persembahan tarian kebudayaan pelbagai kaum oleh Persatuan Soka Gakkai dan persembahan lagu Tahun Baru Cina yang dinyanyikan oleh pelajar Kolej Profesional MARA Seri Iskandar. Apa yang menariknya, lagu ini berjaya mencuri perhatian umum kerana ianya dinyanyikan oleh pelajar berbangsa Melayu dengan baik sekali. Inilah antara keunikan sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini yang bertujuan mengeratkan perpaduan dalam kalangan semua kaum di negeri ini.

Turut hadir meraikan perayaan ini YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin Pengarah JAIPk, Tuan Haji Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim Timb. Pengarah JAIPk, Tuan Haji Mohd Kamal bin Mohamad Noor Ketua Penolong Pengarah Kanan Dakwah, Ybhg. Dato' Dr. Haji Fadzli Cheah bin Abdullah Pengurus Masjid Muhammadiah merangkap Pengurus Persatuan Cina Muslim Malaysia, cawangan Ipoh. Sambutan yang telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak ini merupakan anjuran Bahagian Dakwah JAIPk dengan kerjasama Masjid Muhammadiah dan Persatuan Cina Muslim Malaysia cawangan Ipoh. Menerusi ucapan Menteri Besar, beliau memuji penganjuran program seperti ini kerana dapat mengeratkan hubungan antara kaum. Beliau juga menyokong pembinaan fasa kedua Masjid Muhammadiah. Program ini juga dihadiri oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Soka Gakkai, Persatuan India Muslim (PRIM), Persatuan Wanita Cina Perak dan Persatuan Agama Buddist.

Majlis ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran sebanyak 1300 orang. Malah lebih 700 orang adalah masyarakat non-Muslim. Ini menunjukkan kewujudan Masjid Cina adalah salah satu usaha berdakwah kepada non-Muslim melalui program seumpama ini. Golongan kanak-kanak juga tidak terpinggir dan turut gembira menerima angpau.



EXECUTIVE TALK

Bagan Datuk, 28 Februari 2018: Executive Talk telah diadakan di antara wakil jawatankuasa masjid seluruh daerah Bagan Datuk bersama Orang Besar Jajahan Muallim memangku Orang Besar Jajahan Bagan Datuk YDH Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal Bin Haji Ahmad bertempat di Dewan Sekolah Rendah Agama Rakyat al-Maskan Simpang Empat.

Majlis Executive Talk Jawatankuasa Masjid Bersama YDH Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Haji Ahmad ini dihadiri seramai hampir 50 orang wakil jawatankuasa masjid. Turut hadir bersama Pegawai Tadbir Agama Daerah Bagan Datuk Tuan Haji Muhamad Khairul Basri bin Osman, Pegawai Penyelaras Masjid Daerah, Pegawai Baitulmal Daerah serta Guru Besar sekolah agama tersebut. Program ini diadakan bagi tujuan mendengar hasrat dan rancangan Orang Besar Jajahan dalam memartabatkan agama Islam di daerah ini serta menyelesaikan masalah-masalah yang sekian lama dihadapi oleh jawatankuasa masjid.



AKAL YANG CERDAS HADIR DARI BADAN YANG CERGAS



Manjung, 3 Mac 2018 : Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Manjung (SMTDRDM) telah mengadakan Kejohanan Olahraga Tahunan kali ke 8 yang bertempat di Kolej Vokasional Seri Manjung. Kejohanan Olahraga ini telah dirasmikan oleh Tuan Helmi bin Ariffin Setiausaha Majlis Perbandaran Manjung. Kejohanan olahraga ini juga telah dihadiri oleh Naib Yang Dipertua PIBG SMTDRDM, Tuan Haji Mohd Arif bin Ismail dan juga telah dimeriahkan dengan kehadiran para jemputan serta ibu bapa pelajar.

Terdapat pelbagai acara yang telah dipertandingkan antaranya adalah acara balapan, tarik tali, acara ibu bapa dan kanak-kanak serta acara baru juga diadakan pada tahun ini iaitu acara lontar peluru. Buat julung kalinya, Rumah Hijau dinobatkan sebagai johan, Rumah Merah sebagai naib johan, Rumah Kuning di tempat ketiga, dan Rumah Biru di tempat keempat. Manakala pertandingan khemah Rumah Sukan terbaik jatuh kepada Rumah Kuning dan perbarisan terbaik jatuh kepada Rumah Merah.

Raptai penuh telah diadakan di Padang Kolej Vokasional Seri Manjung dan para pelajar bermalam di Asrama Kolej Vokasional pada 2 Mac bagi membuat persiapan khemah rumah sukan. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga SMTDRDM kerana telah berjaya mengadakan Kejohanan Olahraga kali ini dengan penuh kemeriahian. Semoga semangat kesukuan ini sentiasa berterusan dalam diri para pelajar.

SELAGI HAYAT DIKANDUNG BADAN

Seri Iskandar, 6 Mac 2018 : "Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad". Itulah ungkapan yang sesuai bagi menggambarkan program Kursus Imam Bilal bagi daerah Seri Iskandar. Program ini telah diadakan di Dewan Masjid Lama Bota Kanan bagi meningkatkan mutu dan kualiti bacaan serta perkhidmatan imam dan bilal. Kursus yang diadakan secara berkala ini telah disempurnakan majlis perasmiannya oleh YB Dato' Nasaruddin bin Hashim, Adun Bota. Kursus ini diwajibkan kepada imam-imam yang bertugas di masjid-masjid yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Agama Daerah Seri Iskandar selaku pengajur kursus. Kursus ini juga telah mendapat kerjasama dengan jayanya daripada Pusat Khidmat Parlimen Parit, Pusat Khidmat Adun Bota dan Pusat Khidmat Adun Belana.



PROGRAM RAMAH MESRA DAN PENEROKAAN DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI ULU GERUNTUM, GOPENG PERAK



Gopeng, 9 Mac 2018 : Bertempat di Perkampungan Orang Asli Ulu Geruntum, telah diadakan satu Program Ramah Mesra dan Penerokaan selama 3 hari 2 malam bersama masyarakat yang majoritinya belum lagi beragama Islam. Program ini anjuran Bahagian Dakwah JAIPk dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Batu Gajah. Turut diadakan pameran dari Kem 23 RAMD Tambun, Pejabat Kesihatan Daerah Kampar, AADK Kampar, SK Ulu Geruntum dan dibantu oleh pelajar dari Kolej Matrikulasi Kelantan.

Antara pengisian lain ialah mengadakan acara sukaneka bagi kanak-kanak di kampung berkenaan dan mendapat sambutan menggalakkan. Untuk mengeratkan lagi hubungan antara peserta dan masyarakat kampung, pihak urus setia mengadakan aktiviti ziarah rumah ke rumah termasuk beberapa rumah penduduk kampung yang berdekatan untuk memberi sumbangan kepada keluarga yang beragama Islam.

Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Zolkipli bin Ismail, Pegawai Tadbir Agama Daerah Batu Gajah. Usaha murni ini perlu diteruskan lagi agar tiada masyarakat yang terpinggir menerima arus pemodenan terutamanya golongan minoriti yang beragama Islam di kawasan tersebut.

PEJUANG MUDA : MENGALAH TIADA USAHA BERGANDA

Seri Iskandar, 20-22 Mac 2018 : Sempena cuti persekolahan, satu kem yang diberi nama Summer Camp Bestari 2018 (SUMBEST 2018) telah diadakan bagi mengisi aktiviti cuti sekolah bagi pelajar-pelajar di daerah ini. Program yang telah diadakan di Kem Kota Layang-layang Kanan ini telah dibahagikan kepada 2 sesi iaitu bagi pelajar sekolah rendah pada 20-21 Mac dan sekolah menengah bermula pada 21-22 Mac.

Program yang dirasmikan oleh YB Dato' Mohd Nizar bin Zakaria ini telah mendapat kerjasama daripada jabatan-jabatan kerajaan dan institusi-institusi di dalam daerah Perak Tengah, antaranya Pejabat Agama Daerah Seri Iskandar, PDRM, JKR, Bomba, Jabatan Penerangan, Pejabat Belia Daerah Seri Iskandar, UTP, JKM, dan banyak lagi. Antara objektif lain bagi program ini adalah untuk meningkatkan keyakinan para pelajar di dalam kepimpinan seterusnya meningkatkan kembali semangat dan fokus untuk terus berusaha mencapai kejayaan di dalam pelajaran.



Kuala Kangsar, 26 Mac 2018 : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Kemajuan Islam dengan kerjasama JAIPk telah menganjurkan Multaqa Murabbi Ummah Peringkat Negeri Perak Tahun 2018 bertempat di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

Program ini telah menghimpunkan peserta seramai hampir 3000 orang murabbi ummah yang terdiri daripada para imam, guru KAFA, guru takmir, guru tafsiz, guru pondok, guru Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dari seluruh negeri Perak yang merupakan kali kedua diadakan semenjak tahun 2017.

Multaqa tersebut telah dimulakan dengan slot ceramah yang bertajuk Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara yang disampaikan oleh penceramah yang tidak kasing

MADRASAH UMMAH

lagi di negeri Perak iaitu YBhg. Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias al-Hafiz. Kemudian diikuti pula sesi Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertajuk Murabbi : Pemacu Transformasi Ummah terdiri dari dua orang panel iaitu Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Dr. Haji Mohd Farid Ravi Abdullah Pengarah Research Management Centre/Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Forum dimoderator oleh Ustaz Zakaria Othman daripada JAKIM.

Menurut Tn Haji Muhammad Imran Haji Ibrahim Pegawai Penyelaras Kanan Takmir Negeri Perak program ini diadakan bertujuan memberi penjelasan tentang hal ehwal berkaitan pengurusan, pengimaran masjid, pendidikan Islam dan isu-isu semasa dalam negara. Di samping itu, pertemuan tahunan ini antara para murabbi ummah dengan pihak kerajaan adalah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin dan agen transformasi dalam kalangan masyarakat khasnya dan negara amnya.

Majlis perasmian multaqa dimulakan dengan ucapan aluan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya ucapan perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Dalam majlis perasmian berkenaan, dua "Mock Cheque" Peruntukan Kerajaan Persekutuan telah disampaikan kepada kerajaan negeri Perak iaitu Bayaran Imbuhan Imam, Elaun Guru KAFA dan Guru Takmir Bagi Negeri Perak Tahun 2018 berjumlah RM54,819,000.00 serta 'Bayaran Khas "One-Off" Kepada Imam, Bilal dan Siak serta Guru Takmir dan Guru KAFA Bagi Negeri Perak Tahun 2018 berjumlah RM12,096,000.00. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah YB Dato' Haji Ghazali bin Jalal, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato Mohd Nizar bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah Negeri Perak, Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg. Dato' Haji Mohd Yusof bin Haji Husin, Pengarah JAIPk, Orang Besar Jajahan (OBJ), serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri.

JALIN KERJASAMA ERAT

Ipoh, 5 April 2018 : Pada jam 2.30 petang, Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAIPk telah menerima lawatan muhibbah daripada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Johor yang bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, JAIPk.

Delegasi yang hadir adalah seramai 13 orang terdiri daripada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama, pegawai-pegawai serta kakitangan Penguatkuasa Agama Johor bertujuan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan pakaian seragam Pegawai Penguatkuasa Agama Perak selain dapat mengeratkan lagi hubungan serta kerjasama di antara kedua-dua belah pihak.

Turut bersama di dalam sesi lawatan tersebut Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah JAIPk dan turut diraikan oleh pegawai-pegawai serta semua anggota Penguatkuasa Agama Negeri Perak.

Dato' Pengarah telah menyampaikan ucapan bagi mengalukan kehadiran pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Johor ke JAIPk. Seterusnya, delegasi dipersembahkan dengan tayangan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Perak sepanjang tahun 2017. Turut dibentangkan statistik kesjenayah syariah bagi negeri Perak.

Ucapan wakil delegasi Johor disampaikan oleh Ketua Penguatkuasa Agama dan beliau mengucapkan ribuan terima kasih di atas penerimaan lawatan tersebut serta memperkenalkan barisan pegawai yang menyertai lawatan. Para tetamu telah disajikan dengan hidangan istimewa Mee Rebus Ramli dan roti jala. Majlis diserikan lagi dengan penyampaian cenderamata daripada kedua-dua belah pihak dan sesi bergambar juga telah diadakan sebagai kenang-kenangan.



SEMINAR KELUARGA HEBAT MENDAPAT SAMBUTAN


Ipoh, 5 April 2018 : Seminar Keluarga Hebat yang menampilkan selebriti dakwah tanah air iaitu Ustaz Muhammad bin Abdullah atau lebih dikenali Ustaz Muhammad al-Amin telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai. Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Negeri Perak (INTIM) yang menjadi lokasi seminar sesak seawal 8.00 pagi apabila peserta mula mendaftar dan mengambil tempat di dalam dewan.

"Jabatan Agama Islam Perak sentiasa berusaha mengadakan seminar dan kursus-kursus kekeluargaan dalam usaha mengurangkan kadar perceraian di negara kita khususnya di negeri Perak" ujar Dato Haji Mohd Yusop bin Haji Husin ketika berucap merasmikan Seminar Keluarga Hebat di hadapan kira-kira 900 orang peserta sebelum seminar bermula. Seminar yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak dan Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) merupakan kali kedua dianjurkan setelah penganjuran pertama pertengahan tahun 2017.

Dalam seminar kali ini, Ustaz Muhammad bin Abdullah menekankan kaedah komunikasi di antara pasangan suami isteri dalam mengekalkan hubungan intim di antara pasangan meskipun sudah lama berumahtangga. Seminar yang berlangsung hampir dua jam ini disudahi dengan soal jawab, selawat dan doa oleh Ustaz Muhammad al-Amin.

"Seminar ini adalah sangat bermanfaat kerana terdapat banyak maklumat yang membantu suami dan isteri untuk lebih saling memahami. Saya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang" kata Zahid, seorang penjawat awam yang turut hadir sebagai peserta dalam seminar ini. Di akhir majlis, peserta mengambil peluang bergambar sebagai kenang-kenangan bersama Ustaz Muhammad al-Amin yang terkenal dalam slot mingguan di Radio IKIM FM.

Turut hadir sama dalam seminar tersebut adalah Tuan Haji Zakaria bin Abdul Razak, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak dan Tuan Haji Jamil Sapri, Pengetua Institut Tadbiran Islam Negeri Perak (INTIM).



RIADAH MAHABBAH

Seri Iskandar, 7 April 2018 : "Akal yang sihat bermula pada tubuh yang sihat". Begitulah ungkapan yang sesuai bagi menggambarkan aktiviti ini. Pejabat Agama Daerah Seri Iskandar telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan dan menjadi tuan rumah bagi program 'Karnival Sukan Mahabbah 5 Penjuru' yang telah menyaksikan pertembungan antara 5 daerah iaitu Seri Iskandar, Batu Gajah, Manjung, Taiping dan Kampar. Pada kali ini sebanyak 4 acara telah dipertandingkan iaitu badminton berpasukan, bola tampar lelaki, karom berpasukan dan bowling berpasukan. Karnival ini telah berlangsung dengan jayanya di Institut Kemahiran Belia Negara dan Ampang Superbowl Billion Seri Iskandar. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. al-Fadil Ustaz Khir bin Ngah Ahmat selaku Tuan Pegawai Tadbir Agama Daerah Seri Iskandar.



DAKWAH TIADA BERNOKTAH



Gerik, 9 April 2018 : Bagi meneruskan kesinambungan tanggungjawab dakwah terhadap masyarakat orang asal di pedalaman, hasil kolaborasi JAIPk, JAKIM dan MAIPk telah mengambil langkah proaktif menganjurkan Eksplorasi Dakwah Belantara selama 3 hari bermula 9 hingga 11 April di KOA Sungai Tiang RPS Banun. Perjalanan jauh dan sukar ke lokasi yang terpaksa dilalui tidak melenturkan semangat hampir 60 orang petugas menuaikan amanah dakwah yang dipikul. Antara aktiviti yang telah diadakan bersama masyarakat setempat adalah solat berjemaah, kelas Fardu Ain, gotong-royong membaiki rumah dan membina tandas Tok Batin dan Penghulu Islam. Menariknya turut diadakan acara "Master Chef" dan gunting rambut serta turut dimeriahkan dengan Malam Kebudayaan yang menampilkan persembahan Islamic Band dan pelbagai lagi. Majlis penutup telah disempurnakan oleh al-Fadil Ustaz Supian bin Abdul Latif Pegawai Tadbir Agama Daerah Gerik.

CELIK SEMBELIHAN

Ipooh, 10 April 2018 : Institut Tadbiran Islam (INTIM) dan Bahagian Penyelidikan (JAIPk) telah mengadakan Kursus Teori Sembelihan Halal dan Praktikal Sembelihan. Kursus yang dijalankan selama 3 hari ini telah diadakan di Dewan Saidina Abu Bakar, INTIM. Seramai 50 orang kakitangan JAIPk dari pelbagai jawatan telah menyertai kursus ini.

Kursus yang tertumpu kepada kakitangan JAIPk ini telah banyak memberi pendedahan berkenaan teori dan etika sembelihan menurut syarak yang telah disampaikan oleh Tn Haji Yusri bin Abd Rani. Kesemua peserta sangat tertarik dengan cara penyampaian yang disampaikan oleh beliau. Slot ini telah menjelaskan tujuan dan kepentingan sembelihan menurut syarak serta hukum-hakam yang berkaitan dengan sembelihan.

Selain itu, Doktor Azizul Rahman bin Ismail selaku Pegawai Perkhidmatan Haiwan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak telah menyampaikan penerangan berkenaan penjagaan binatang sembelihan serta perjalanan rumah sembelihan halal. Beliau juga telah banyak memberi gambaran bagaimana perjalanan kilang memproses binatang sembelihan halal beroperasi serta teknologi-teknologi terkini yang digunakan dalam rumah sembelihan.

Pada hari ke-3, semua peserta kursus telah dibawa ke kilang sembelihan FY Food Processing Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Chepor. Kesemua peserta telah didedahkan bagaimana cara ayam sembelihan halal diproses. Bermula dengan bahagian sembelihan sehingga ayam itu diproses bersih. Pada hari yang sama juga, kesemua peserta telah melaksanakan praktikal sembelihan dengan jayanya di INTIM.



TEMA TAMAN BUNGA MENJADI TUMPUAN



Ipooh, 10 April 2018 : Buat pertama kalinya Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Agama Islam Negeri Perak membuat keputusan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 dengan bertemakan taman bunga. Majlis yang diadakan di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) ini menggunakan tema tersebut kerana belum pernah lagi ada mana-mana jabatan menjadikan taman bunga sebagai tema untuk majlis rasmi jabatan.

Tema taman bunga ini dipilih kerana keindahan bunga dan warna kehijauan sering dikaitkan dengan ketenangan di samping kesibukan masa di dalam menguruskan kerja-kerja hakiki dan kesesakan bandar Ipoh yang sering mengakibatkan penjawat awam terdedah kepada tekanan.

Turut kelihatan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, ketua-ketua bahagian serta hadirin yang hadir sangat berminat untuk bergambar di ruang-ruang bunga yang ada di sekitar majlis tersebut terutamanya di ruang "photo booth".

Di samping itu, seramai 55 anggota JAIPk telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun perkhidmatan 2017 yang terdiri daripada 4 anggota Bahagian Khidmat Pengurusan, 2 anggota dari Bahagian Pembangunan Keluarga, 3 anggota dari Bahagian Pendidikan, 2 anggota dari Bahagian Dakwah, 2 anggota dari Bahagian Penyelidikan, 2 anggota dari Bahagian Pengurusan Masjid, 2 anggota dari Bahagian Penguatkuasaan, 2 anggota dari Institut Tadbiran Islam Negeri Perak (INTIM), 11 anggota dari sekolah-sekolah menengah agama negeri, 11 anggota dari sekolah-sekolah menengah Tahfiz Darul Riduan dan terakhir seramai 13 anggota dari Pejabat-pejabat Agama Islam Daerah di dalam negeri Perak.

Anugerah tersebut telah diserahkan oleh tetamu kehormat YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan diiringi oleh Dato' Mohd Yusop bin Husin Pengarah JAIPk.

MASJID MEDIUM BERDAKWAH

Seri Iskandar, 14 April 2018 : Masjid Sultan Yusoff Izzudin Shah (Masjid Daerah Seri Iskandar) telah berlangsungnya satu Karnival Belia Imarah Masjid yang telah dianjurkan oleh Sahabat Belia Masjid Daerah Seri Iskandar. Majlis perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Nizar bin Zakaria selaku Exco Agama Kerajaan Negeri Perak. Antara tujuan yang lain bagi karnival ini adalah untuk menarik golongan muda semakin dekat dengan masjid. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk pertandingan azan, fesyen kanak-kanak dan lain-lain. Program ini juga telah mendapat kerjasama daripada jabatan dan agensi kerajaan lain untuk mengadakan pameran antaranya PDRM, Bomba, AADK, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pertanian dan pelbagai lagi. Pengunjung juga disajikan dengan penampilan khas artis-artis tanah air bagi memeriahkan karnival tersebut.



PEMUDA HARAPAN NEGARA

Taiping, 20-22 April 2018 : Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah." Jelaslah ayat al-Quran tersebut menerangkan bahawa Rasulullah SAW diutuskan buat ummat Muhammad dengan keperibadian yang indah.

Melihatkan remaja hari ini terutamanya golongan pelajar sekolah semakin berdepan dengan cabaran yang getir, malah apa yang membimbangkan ialah ujian kehidupan. Muda-mudi adalah tiang negara, harapan bangsa dan penegak agama. Oleh itu, Bahagian Dakwah JAIPK mengambil tanggungjawab mendidik remaja dengan mengadakan Kursus Kem Qudwah Hasanah yang berlangsung selama 3 hari 2 malam bertempat di Kem Perasa Taiping.

Program yang disertai seramai 60 orang pelajar dengan 30 darinya pelajar lelaki selebihnya pelajar wanita, mereka ialah pelajar sekolah harian dari 10 buah sekolah daerah Larut Matang dan Selama.

Mengenali sifat Rasulullah SAW adalah merupakan penekanan utama program ini. Peserta diberi galakan untuk mencontohi akhlak Rasulullah SAW. Rasulullah SAW juga pernah melalui zaman remaja, walaupun ketika

itu Baginda belum lagi menerima wahyu menjunjung Islam sebagai agama, tetapi akhlak Rasulullah SAW ketika itu sudah terbuktii mulia. Baginda SAW tidak menyertai rakan-rakan sebanyak dalam kalangan remaja Makkah dalam bersukaria dan berfoya-foya. Allah telah memelihara Baginda daripada terlibat dalam gejala tersebut.

Sepanjang 3 hari ini peserta juga dilatih dengan daya kepimpinan. Peserta didedahkan dengan kemahiran berucap, membuat keputusan serta penekanan terhadap kualiti seorang pemimpin. Kisah kepimpinan seorang pemerintah muda yang sangat beriman diangkat sebagai suri tauladan dalam program ini. Sultan al-Fateh seorang Ketua Negara yang hebat sehingga mampu membuka kota Konstantinople. Keperibadian dan iman yang mantap merupakan faktor yang besar bagi kejayaan yang dicapai oleh Sultan al-Fateh.

Oleh itu, diharapkan program ini mampu memberikan suntikan ruh iman agar peserta mendapat kesedaran dan menanam cita-cita untuk mencontohi sikap mulia Rasullulah SAW yang berjaya menahan nafsu pada zaman muda, begitu juga mencontohi Sultan al-Fateh yang menjadi pemimpin yang teragung walaupun di usia muda.

FARDU KIFAYAH : PENGURUSAN JENAZAH

Sungai Siput, 21 April 2018 : Penduduk Kampung Orang Asli Landap, Jalong Tinggi yang beragama Islam merasa teruja menghadiri Kursus Pengurusan Jenazah yang telah disampaikan oleh Ustaz Wan Masindra bin Juja, Mubaligh Islam Orang Asli Pejabat Agama Kuala Kangsar. Program ini telah menarik minat mereka serta dapat merapatkan hubungan dengan Unit Dakwah Daerah Kuala Kangsar.

Slot teori bermula dengan penerangan cara menguruskan jenazah dengan betul dari segi memandi, mengafan dan menyembahyangkan. Selepas itu mereka berpeluang mempelajari slot praktikal. Walaupun ilmu pengurusan jenazah ini masih baru bagi mereka, namun usaha memberi pengetahuan mengenainya perlu diteruskan demi melatih generasi masyarakat Orang Asli dalam mendalami ilmu Fardu Kifayah ini.





MAHRAJAN MEMANAH

Terengganu, 21-23 April 2018 : Mahrajan Memanah Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia Peringkat Kebangsaan telah diadakan bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (UNiSZA). Peserta pertandingan terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sahaja.

Mahrajan Memanah Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia Peringkat Kebangsaan adalah merupakan penganjuran kali pertama. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memupuk semangat persahabatan dan silaturrahim dalam kalangan pelajar serta pegawai bagi melahirkan pelajar yang cergas fizikal dan cerdas minda serta meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar sekolah agama di seluruh Malaysia.

Mahrajan Memanah dilaksanakan mengikut acara "recurve" bagi kategori lelaki, perempuan, individu dan juga kumpulan dalam jarak panahan 50 meter. Negeri Perak telah mendapat pingat bagi kategori perempuan iaitu dua pingat perak dan dua pingat gangsa.

Majlis Perasmian Mahrajan Memanah Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak telah diadakan pada 23 April 2018 jam 1.00 petang dan dirasmikan oleh Tuan Haji W. Ismail Sahaimi bin Haji W.Omar, YBhg. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.

MEMERAH KERINGAT BERSAMA

Lenggong, 23 April 2018 : Seramai 10 orang peserta dari Jabatan Bomba, Balai Polis dan Pejabat Agama Daerah Lenggong telah mengadakan gotong-royong membersihkan surau bersama masyarakat Orang Asli Kampung Lubuk Cupak.

Program ini anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Lenggong bersama wakil dari Jabatan Bomba dan Balai Polis Daerah Lenggong membersihkan rumah seorang penduduk di Lubuk Cupak untuk dijadikan surau dan kelas mengajar Fardu Ain bagi penduduk. Rumah itu asalnya didiami oleh En Malik dan beliau bersetuju menyerahkan rumah tersebut untuk dijadikan surau setelah beliau berpindah ke Kampung Orang Asli di Air Karah. Pihak Jabatan Agama Islam Bahagian Dakwah telah bersetuju menghulurkan sedikit sumbangan bagi melancarkan program gotong-royong membersihkan dan membaikpulih rumah tersebut untuk dijadikan surau.



SEMARAK DAKWAH DI BELANTARA

Tapah, 26 April 2018 : Surau atau masjid adalah rumah Allah Yang Mulia, berdasarkan pernyataan tersebut, satu program dakwah belantara telah diadakan di perkampungan Orang Asli Kg Sungai Bot bertujuan untuk mengimarahkan surau.

Seramai 10 orang kakitangan lelaki yang terdiri daripada Unit Dakwah dan Unit Pengurusan Pejabat Agama Islam Daerah Tapah telah menyertai program tersebut bermula jam 3 petang hingga 11 malam. Salah satu aktiviti yang diadakan pada hari tersebut ialah ziarah rumah ke rumah penduduk. Bagi yang beragama Islam, mereka diajak dan diberi galakkan datang ke surau sebagai pembelajaran untuk mendidik masyarakat Islam di kampung tersebut untuk mengimarahkan surau. Manakala bagi yang bukan beragama Islam pula, mereka diberi penerangan berkaitan Islam semasa ziarah tersebut.

Bagi merealisasikan program imarah surau ini, kelas Fardu Ain dan tazkirah ringkas di surau tersebut turut diadakan. Sesi tazkirah ini telah disampaikan oleh 3 orang asli dalam bahasa mereka sendiri iaitu Asli Semai. Ini adalah satu proses pembelajaran bagi melatih mereka berceramah dan menyampaikan dakwah kepada bangsa mereka. Diharapkan dengan kaedah ini, mereka lebih selesa dan mudah memahami sekiranya ada kemusykilan tentang ilmu agama. Turut diadakan sumbangan beras untuk 10 buah keluarga Muslim.

Walaupun hanya sehari berada di sana, pihak urus setia tetap berasa puas dengan sedikit pengorbanan mereka. Walaupun yang turut serta itu bukanlah sepenuhnya daripada golongan ustaz, tetapi mereka tetap bersemangat dalam kerja dakwah. Biarpun terpaksa menempuh kesukaran untuk sampai di perkampungan tersebut, namun mereka akur bahawa ini adalah perjuangan untuk agama. Mungkin dengan pengorbanan yang sedikit ini, suatu hari nanti penduduk di sana diizinkan Allah untuk lebih ramai yang memeluk Islam.

MEMPERINGATI ISRA' MIKRAJ

Ulu Kuang, 27-29 April 2018 : Program Sambutan Israk Mikraj dan Sukan Rakyat telah berjaya diadakan di Perkampungan Orang Asli Sungai Pelantok bersama Mubaligh Islam JAIPk dan Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari 400 orang penduduk kampung yang majoritinya beragama Islam.

Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam itu bermula dengan ceramah sempena Israk Mikraj yang disampaikan oleh Ustaz Abd Halim bin Abdul Latif, Mubaligh Islam JAIPk dan diakhiri dengan acara sukan rakyat pada hari berikutnya.

Ceramah tentang peristiwa Israk Mikraj ini amat penting bagi mereka kerana Orang Asli adalah golongan yang harus diberi pendedahan. Secara tidak langsung, ceramah ini dapat memberi ilmu baru kepada mereka. Walaupun mereka masih baru dengan kisah Israk Mikraj ini, tetapi kita harus membantu mereka untuk lebih mendalam pengajaran di sebalik kisah ini. Israk mikraj adalah kisah yang sangat menarik untuk dipelajari, apatah lagi untuk dihayati. Sebagai umat Islam, kita harus menyakini bahawa segala yang terjadi pasti dengan izin dan ketentuan dari Allah semata-mata.

Majlis perasmian penutup dirasmikan oleh Ustaz Zuhadi bin Saarani Ketua Penyelaras Penggerak Masyarakat Orang Asli Perak / Kedah (PMOA) JAKIM.



HUFFAZ PROFESIONAL

Bagan Datuk, 29 April 2018 : Buat julung kalinya himpunan pelajar tahfiz seluruh daerah Bagan Datuk telah diadakan dengan jayanya. Majlis Tautan Mahabbah Himpunan Pelajar Tahfiz daerah Bagan Datuk ini melibatkan sebanyak 7 buah tahfiz dengan kekuatan seramai 250 orang pelajar serta guru telah hadir di Dewan Hajah Tuminah Sg Nipah Darat.

Turut hadir bersama Pegawai Tadbir Agama Tuan Haji Muhamad Khairul Basri Osman serta ketua-ketua jabatan dan telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Diraja Dr Ahmad Zahid Hamidi. Program ini bermula dengan motivasi "al-Quran ku Jiwa ku" bersama PU Yop. 2 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Abd Jalil Lil Banat Sg Nipah Darat telah diberi anugerah atas kejayaan menghafaz 30 juzuk.

Kelangsungan program ini telah membuatkan Timbalan Perdana Menteri dengan sukacitanya mengambil semua tahfiz sebagai tahfiz angkat Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

D'SAMBA

Bagan Datuk, 29 April 2018 : Dakwah Santai Anak Muda Bagan Datuk [D'SAMBA] satu program dakwah yang berkonsepkan santai dalam mendekati masyarakat pada masa kini. Ia merupakan inisiatif Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk dalam usaha mempelbagaikan bentuk dakwah kepada masyarakat di sini. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat dan telah dihadiri seramai 300 orang di Waterfront Bagan Datuk.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia Negeri Perak Dato' Shahrul Zaman Dato' Yahya, Pegawai Tadbir Agama Daerah, Pegawai Belia Sukan Daerah, Pengurus-pengurus Kelab Belia Daerah Bagan Datuk serta tetamu jemputan PU Yop, Ustaz Munawir dan Ustaz Huri.

Pengisian program ini dimulai dengan persembahan "busking" berkonsepkan Islamik, cabutan bertuah dan santai dakwah tapi sampai. Kemahiran Ustaz Huri yang boleh ber"busking" serta loghat Perak PU Yop ditambah dengan lawak jenaka Ustaz Munawir membuatkan hampir semua tetamu yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia terhibur dan menyukai konsep program dakwah yang dianjurkan ini.

Dalam masa yang sama turut dilancarkan kempen "Moh Anak Muda Ke Masjid [MAKMUM]" oleh Pengurus Belia, Sukan dan Sumber Manusia Dato' Shahrul Zaman Dato' Yahya yang telah merasmikan program Dakwah Santai Anak Muda Bagan Datuk [D'SAMBA].



IHTIFAL : PENTAS SI CILIK BERAKSI

Kuala Kangsar, 29 April 2018 : Bertempat di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Desa Rimba Sauk, telah berlangsungnya Majlis Ihtifal Peringkat Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Daerah Kuala Kangsar melibatkan Sekolah Agama Rakyat Integrasi KAFA dan Sekolah Rendah sepenuh masa. Majlis ini menjadi acara tahunan Unit Pendidikan (KAFA) Pejabat Agama Islam Kuala Kangsar dan merupakan aktiviti kurikulum yang memberi pendedahan kepada pelajar sekolah-sekolah agama rakyat. Program seumpama ini diadakan untuk mencungkil bakat-bakat pelajar serta membentuk keyakinan diri, disiplin, kreativiti dan sahsiah pelajar itu sendiri.

Terdapat 11 acara yang dipertandingkan seperti tilawah dan hafazan al-Quran, syarahan Bahasa Melayu dan Bahasa Arab, khutbah, bercerita, tulisan khat dan jawi, hiwar, nasyid serta marhaban. Seramai 144 orang murid terlibat sama ada secara individu ataupun berkumpulan.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Zainun bin Haji Mat Noor mewakili YB Dato' Seri Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan di Dewan Jati Utama Kem PLKN Desa Rimba Sauk. Majlis tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ibu bapa dan masyarakat setempat.



MAKANAN PENGIKAT KASIH SAYANG



Ipooh, 29 April 2018 : Sebut sahaja makanan siapa yang tidak tertarik, apakah lagi jika makanan itu menjadi kegemaran dan popular dalam satu-satu bangsa, bukan calang-calang orang yang mampu menyediakan, malah untuk mencarinya juga bukan mudah jika bangsa lain yang ingin merasainya.

Oleh itu, Bahagian Dakwah JAIPK mengambil inisiatif menganjurkan Festival Makanan Cina bertempat di Masjid Muhammadiah Taman Tasek Jaya. Majlis yang dihadiri seramai 300 orang majoritinya bangsa Melayu sangat membanggakan kerana membuktikan makanan sesuatu kaum boleh menjadi pengikat kemesraan semua penduduk di negeri ini. Pengunjung yang hadir tidak kecewa apabila berpeluang merasa dan mencuba makanan Cina yang halal. Menurut seorang tetamu yang hadir, program ini sangat bermakna kerana belum pernah merasai pengalaman seperti ini. Apakah lagi makanan yang disediakan adalah halal, orang Melayu ramai yang gemar makanan Cina, tetapi ada yang tidak tahu bagaimana untuk mendapatkannya.

Maka festival ini adalah platform terbaik bagi mendedahkan kepada komuniti Muslim tentang kepelbagaiannya masyarakat Tiong Hua yang halal. Oleh itu, bagi menjayakan program ini, Bahagian Penyelidikan JAIPK juga telah terlibat dengan membuka kaunter bagi menerangkan tatacara untuk memohon sijil halal kepada pengusaha restoran

dan kedai makan yang menjual makanan Cina halal. Penganjuran festival ini juga sebenarnya memberi ruang besar kepada masyarakat Muslim yang gemar makanan Cina untuk mengetahui lokasi perniagaan makanan Cina halal tanpa perlu rasa ragu kerana mereka mempunyai sijil halal. Malah tidak mustahil jika ada yang jatuh cinta dengan makanan bangsa Tiong Hua ini.

Perasmian festival ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohamad Kamil Bin Dato' Haji Shafie mewakili YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian Kebudayaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak. Melalui ucapan, beliau berharap program seumpama ini akan berterusan dan mendapat lebih banyak lagi penyertaan dari gerai-gerai yang mempunyai sijil halal untuk turut serta. Malah beliau berharap festival ini bukan sekadar penganjuran peringkat masjid sahaja, tetapi diadakan di peringkat negeri kerana ini adalah satu program yang dapat mempromosikan negeri sempena "Jom Melawat Perak".

Turut hadir memeriahkan program YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, YBhg. Datuk Dr. Haji Fadzli Cheah bin Abdullah Pengerusi Persatuan Cina Muslim Cawangan Ipoh (MACMA), Tuan Arib bin Aliah Pengerusi Persatuan India Muslim (PRIM), Tuan Haji Mohd Kamal bin Mohamad Noor Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAIPK.

DENDANGAN SUARA ALUNAN IRAMA

Seri Manjung, 29 April 2018 : Program Festival Nasyid Remaja Islam Daerah Manjung 2018 yang berlangsung pada jam 8.00 pagi-12.30 tengah hari telah dianjurkan oleh Sahabat Masjid Manjung dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Manjung, Perkim Cawangan Manjung dan Masjid Sultan Alang Iskandar Shah, Kg Dato Seri Kamarudin Seri Manjung Perak.

Program tersebut bertempat di Masjid Sultan Alang Iskandar Shah, Kg Dato Seri Kamarudin Seri Manjung Perak dengan disertai oleh 8 kumpulan Nasyid terdiri daripada pelajar sekolah menengah dalam daerah Manjung. Program tersebut dijalankan dengan bertujuan untuk menarik minat anak-anak muda ke arah industri nasyid di samping mencungkil bakat yang terpendam dalam kalangan mereka.

Pengerusi Sahabat Masjid Daerah Manjung, Encik Mohd Taufiq Abdul Mutalib telah mempengaruhi perjalanan festival nasyid tersebut dan beliau bersama barisan urus setianya telah menjayakannya dengan sangat meriah. Program yang berbentuk nasyid adalah satu cabang hiburan yang dibenarkan dalam syariat Islam dan ia merupakan objektif utama program tersebut diadakan. Bahkan dapat menjadikan salah satu program yang dapat menarik remaja cintakan agama serta mendalaminya. Selain itu, program ini bertujuan mendekatkan dan menarik golongan remaja kepada aktiviti-aktiviti kerohanian. Program ini turut menjadikan hubungan silaturahim antara kalangan belia dan masyarakat umum dapat dieratkan serta tidak mempunyai jurang di antara kedua-dua golongan ini. Ia juga bertujuan mendekatkan mereka dengan institusi masjid supaya bersama-sama mengimarakannya pada masa akan datang.



PTA Daerah Manjung, Tuan Haji Roslin bin Om telah membina jaringan kerjasama yang baik antara agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam daerah Manjung terutamanya Pejabat Pelajaran Daerah Manjung, Perkim Cawangan Manjung dan juga pihak Masjid Kg Dato Seri Kamarudin telah berjaya menghasilkan kesepadan yang mantap dan ianya telah dibuktikan melalui penganjuran festival ini.

Pertembungan sengit antara kumpulan-kumpulan tersebut telah menyaksikan kumpulan SMK Ahmad Boestamam, Sitiawan dinobatkan sebagai juara manakala SABK Maahad Islahiah Addiniah Batu 10 Lekir telah dipilih sebagai naib juara. Kumpulan nasyid daripada SM Tahfiz Darul Ridzuan Pangkor hanya berjaya mendapat tempat ketiga.

PIMPINLAH KAMI KE JALAN YANG BENAR

Taiping, 30 April 2018 : Pejabat Agama Islam Daerah Taiping telah mengadakan Majlis Penerangan Kaedah Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kariah bagi sesi 2019-2022. Majlis ini diadakan di Dewan Utama Pejabat Agama Taiping dengan kehadiran seramai 130 orang bagi mewakili 65 buah masjid di daerah ini.

Penerangan ini telah disampaikan oleh Pegawai Tadbir Agama Taiping al-Fadil Ustaz Haji Kamal Izat bin Ahmed. Beliau menegaskan masjid adalah sebagai institusi yang mampu menyatu padu dan mempertingkatkan kewibawaan umat Islam. Justeru itu, bersesuaianlah dengan majlis ini agar pemilihan ahli jawatankuasa yang baharu dapat dipilih dalam kalangan individu yang mampu memikul amanah dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Pelantikan ini juga boleh dibuat sama ada melalui kaedah syura atau pun pemilihan secara terbuka kepada ahli kariah setempat. Menurut beliau juga ahli jawatankuasa yang ada perlu mengendalikan pelantikan yang baharu dengan kebijaksanaan dan berhemah. Akhirnya beliau mengharap proses pengimaranan masjid perlu dijaga supaya umat Islam terus istiqomah dalam pengabdian diri kepada Allah SWT.



BACAAN UNDANG-UNDANG : PERBOMOHAN DAN PERUBATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM

Ipooh, 30 April 2018 : Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAIPk telah mengadakan program bacaan undang-undang yang bertempat di Dewan al-Ghazali Masjid Negeri Perak. Program ini menjadi medium utama Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) bagi meningkatkan kefahaman dalam amalannya di negeri Perak.

Program yang berlangsung separuh hari itu memfokuskan tajuk berkenaan perbomohan dan perubatan yang bertentangan dengan Islam dan beban pembuktian serta kaedah siasatan dan risikan.

Turut hadir dalam program tersebut Sahibul Fadilah Ustaz Harith Fadzilah bin Abdul Halim Timbalan Pengarah JAIPk, Pengarah Jabatan Pendakwaan Negeri Perak, Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak serta pegawai-pegawai tadbir agama daerah.

Penceramah jemputan yang diundang khas Dr. Mahyuddin bin Ismail, Pensyarah kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkap Ketua Fasilitator Bengkel Pengubatan Islam JAKIM telah menyentuh beberapa aspek penting seperti penyelewengan dan perubatan tradisional, amalan kebatinan yang khurafat, proses forensik / metafizik bahan sihir dan banyak lagi.

Slot penutup diserikan dengan kehadiran Pengarah Jabatan Agama Islam Dato' Haji Mohd Yusop bin Husin yang menyampaikan ucapan perasmian penutup.

Dalam ucapannya, beliau menyeru agar Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) meningkatkan kefahaman terhadap enakmen undang-undang syariah khususnya undang-undang jenayah syariah dan menjalankan tindakan selaras dengan tatacara yang dibenarkan dalam laras undang-undang.

PERKASA INSTITUSI KELUARGA

Ipooh, 30 April 2018 : Anggaran seramai lebih 200 orang imam di negeri Perak dilatih kaedah runding cara keluarga untuk membantu masyarakat yang memerlukan khidmat keluarga. Latihan yang dinamakan Kursus Asas Runding Cara Syarie ini telah diadakan di Daerah Bagan Serai pada 23 April dan di Ipoh pada 30 April.

Peserta kursus telah dilatih teknik asas kaunseling dalam Islam jika terdapat pasangan suami isteri yang membuat aduan. Usaha yang dilakukan oleh Bahagian

Pembangunan Keluarga JAIPk ini adalah sebagai usaha untuk menjadikan masjid bukan sekadar ruang solat namun sebagai sebuah institusi pembangunan keluarga di negeri Perak.

Kursus ini telah dikendalikan oleh Dr. Md Noor bin Saper yang merupakan Pensyarah Kanan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau merupakan pakar dalam bidang kaunseling dan sering menerima undangan di seluruh negara untuk membentangkan kertas kerja berkaitan kaunseling.



MAHABBAH ASAS PERPADUAN

Bagan Datuk, 2 Mei 2018: Multaqa Mahabbah AJK, Pegawai Masjid dan Guru KAFA telah diadakan dengan jayanya di Dewan Dato' Lope Hashim Bagan Datuk. Program ini bermula sekitar jam 8.00 pagi sehingga jam 1.00 petang. Program ini dimulai dengan taklimat tatacara pemilihan jawatankuasa masjid bagi sesi 2018-2021 oleh al-fadil Tuan Haji Saiful Azizi selaku Ketua Penolong Pengarah Bahagian Masjid JAIPk. Turut hadir di dalam program ini YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia, Orang Besar Jajahan Bagan Datuk serta ketua-ketua jabatan. Keterlibatan peserta pada program kali ini seramai 300 orang. Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan majlis ini dan telah menyampaikan sijil penghargaan kepada jawatankuasa masjid sesi 2015-2018 sebanyak 42 buah masjid di dalam daerah ini. Di dalam ucapan perasmian, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah menzahirkan rasa gembira apabila dapat bersama-sama sekali lagi dengan ahli jawatankuasa masjid dan guru KAFA daerah Bagan Datuk selepas multaqa kali pertama diadakan pada bulan Januari 2018. Program ini berakhir dengan jamuan makan tengah hari.



KUGAGAHI JUA

Tapah, 2&3 Mei 2018: Seramai lebih kurang 20 orang kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Tapah yang terdiri dari Bahagian Dakwah dan Bahagian Pengurusan Pejabat telah bersatu hati mengadakan satu program dakwah di Kampung Sungai Odak. Program yang berjalan sepanjang 2 hari ini mempunyai pelbagai aktiviti termasuk ziarah rumah ke rumah, sukaneka, kelas Fardu Ain, kursus sembelihan, kenduri rakyat, bantuan sumbangan serta tayangan wayang pacak.

Kampung ini mempunyai jumlah penduduk 300 orang dengan skala masyarakat beragama Islam seramai 80 orang sahaja. Menjadi cabaran buat pendakwah kita untuk melaksanakan program di kawasan yang majoriti penduduknya bukan beragama Islam, namun itu bukanlah alasan mereka tidak menyampaikan dakwah. Program yang diberi nama Raudhatul Ulum ini diatur dengan pelbagai aktiviti buat semua penduduk sama ada yang beragama Islam maupun bukan Islam.

Dalam program ini diberi penekanan tentang kursus sembelihan yang disertai oleh lelaki maupun wanita. Peserta diberi penerangan teori dan melakukan latihan amali, mereka sangat berminat kerana dapat merasai sendiri pengalaman menyembelih binatang ternakan. Ini adalah pendedahan yang sangat baik buat mereka di samping kita dapat memberi satu lagi ilmu baru buat mereka selain dari mengadakan kelas Fardu Ain.

Turut diadakan kenduri rakyat buat semua penduduk bagi mengeratkan hubungan. Selain itu, para petugas juga sempat mengadakan ziarah rumah ke rumah untuk mengenali mereka dengan lebih rapat lagi dan inilah peluang mengenal pasti penduduk yang berminat dengan Islam, secara tidak langsung mereka berpeluang untuk bertanya sekiranya mereka mempunyai minat untuk mengenali agama Islam. Sekalung ucapan tahniah dan syabas buat warga PAD Tapah atas usaha murni ini.

PENCARIAN BAKAT ANAK DIDIK ISLAM

Ipooh, 5 Mei 2018: Majlis Ihtifal Sekolah Rendah Agama Rakyat Daerah Ipoh bagi tahun 2018 diadakan dalam suasana penuh gemilang dan ceria. Aktiviti tahunan kali ini bertemakan "Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara" berlangsung di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) dianjurkan oleh unit KAFA, Pejabat Agama Islam Daerah Ipoh. Majlis Ihtifal kali ini disertai oleh 100 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) sekitar daerah Ipoh melibatkan 240 orang pelajar yang mewakili 18 acara yang dipertandingkan.

Perasmian penutupan Majlis Ihtifal Sekolah Rendah Agama Rakyat Daerah Ipoh ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji NorSyariman bin Haji Shaharudin, Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAIPk. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan pelajar-pelajar masa kini seharusnya didedahkan dengan pertandingan-pertandingan seumpama ini bagi memupuk sikap berani dan yakin untuk bercakap di khalayak seterusnya melahirkan bakal pemimpin yang berintelektual memartabatkan Islam di negara bahkan di dunia.

Turut hadir Tuan Haji Asyraf bin Haji Ismail Pegawai Tadbir Agama Daerah Ipoh, Ustaz Ahmad Faiezal bin Mohd Rozi, Ustaz Yusof Zaki bin Zulkapli dan Ustazah Siti Hasmaulizuana binti Mohd Ali selaku Penyelia KAFA Daerah Ipoh merangkap Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Ihtifal Sekolah Rendah Agama Rakyat Daerah Ipoh bagi tahun 2018.



SELAMANYA KAU DI HATIKU



Tanjung Tualang, 12 Mei 2018:

Bahagian Dakwah JAIPk melalui Unit Dakwah Orang Asli dan Saudara Kita telah mengadakan Majlis Tautan Kasih Sempena Hari Ibu di Kampung Baru Tanjung Tualang.

Program yang julung-julung kali diadakan bagitahun 2018 ini merupakan program berkonsepkan masyarakat harmoni dengan menekankan mesej-mesej kemanusiaan dan kepentingan hidup bersatu padu. Program ini mampu menjadi medium untuk masyarakat pelbagai bangsa beramah mesra dan saling mengenali antara satu sama lain. Ia juga memberi kesedaran kepada para tetamu yang hadir akan kepentingan menghargai pengorbanan ibu dan seterusnya menjaga mereka dari pelbagai aspek. Islam tidak mengajar umatnya meninggalkan ibu mereka setelah memeluk Islam dan mesej ini cuba disampaikan kepada penduduk

Kampung Tanjung Tualang.

Sasaran pengunjung adalah daripada kalangan ibu-ibu tunggal, keluarga-keluarga miskin dan penduduk sekitar Tanjung Tualang tidak mengira bangsa dan agama. Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Ketua Kampung Tanjung Tualang, En Alex S.M.Wong seterusnya ucapan daripada Pn Adibah binti Haji Muhammad Rivai Penolong Pengarah (Kanan) Dakwah diteruskan dengan cabutan bertuah dan diakhiri dengan upacara memotong kek oleh para ibu. Majlis disambut dengan meriah walaupun hujan lebat pada hari tersebut dan penduduk kampung menerima kedatangan pihak JAIPk dengan hati yang terbuka secara tidak langsung melaikan salah faham non-Muslim terhadap Islam dan seterusnya meluaskan lagi pintu untuk berdakwah.

DUTA KECIL RASULULLAH SAW

Gerik, 15 Mei 2018: Hadis Nabi SAW Baginda bersabda: "Aku dan orang yang memelihara anak yatim adalah di dalam syurga seperti ini - sambil Baginda menunjuk dengan kedua-dua jarinya - jari telunjuk dan jari tengah (yang dirapatkannya, sebagai isyarat rapatnya mereka dan duduk bersama-sama Nabi di dalam syurga). (Hadis Riwayat Bukhari)

Anak yatim ialah insan yang kematian bapa, mereka ini sangat mulia sehingga Rasulullah SAW menggalakkan para umat Baginda mencintai anak-anak yatim. Rasulullah SAW sangat menyayangi anak yatim, perasaan ini semuanya datang daripada hati Baginda yang penuh dengan cinta kerana Baginda juga seorang anak yatim. Mendekati anak-anak yatim umpama kita mendekati Rasulullah SAW. Oleh itu, satu Program Ziarah Dakwah telah diadakan bertujuan meneladani sunnah Rasulullah SAW menyantuni golongan ini.

Sempena menyambut bulan Ramadhan yang bakal tiba, Rumah Anak Yatim Ummah Kampung Air Panas Gerik menjadi lokasi untuk dikunjungi. Melalui kunjungan ini, diharapkan dapat menjalinkan hubungan antara warga JAIPk dan 60 orang penghuni termasuk kakitangan di sini serta beramah mesra dengan mereka selain bertanya khabar dan memberi sedikit sumbangan kepada mereka. Semoga dengan sumbangan yang diberikan, dapat meringankan beban dan menghiburkan para anak yatim dan penghuni.

Ziarah yang bermula jam 3 petang ini telah disertai oleh kakitangan Bahagian Dakwah, JAIPk diketuai oleh Ustazah Adibah bt. Muhammad Rivai dan kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Gerik diketuai oleh al-Fadil Tuan Pegawai Tadbir Agama Islam Gerik. Selain itu, ziarah ini turut disertai oleh 3 orang ahli Persatuan Saudara Kita.



KERJA BERPASUKAN SATU KEMANISAN

16 Mei 2018: Tarikh keramat pasti terpahat dalam ingatan setiap warga Sekolah Izzuddin Shah kerana pasukan nasyid Soutul Faizin (SF) yang disertai oleh Muhammad Haseef, Muhammad Amsyar, Muhammad Luqman, Muhammad Syahirhariz, Abdul Hayyi, Meor Abdul Aziz dan Adam Hakeem ini telah menganugerahkan hadiah yang paling eksklusif buat guru-guru mereka sempena sambutan hari guru yang disambut pada hari tersebut. "Hanya kerana impianmu tertunda, tak bererti Allah menolaknya, semua akan indah pada waktunya". Kata-kata mutiara ini amat bermakna buat mereka kerana penyertaan buat julung kali dalam Festival Nasyid Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Negeri Perak telah menobatkan pasukan ini sebagai Johan Negeri dan akan mewakili negeri Perak di peringkat kebangsaan nanti. Kejayaan ini lebih manis apabila mereka berjaya merangkul 4 kategori daripada enam kategori yang dipertandingkan iaitu Lagu Masri Terbaik, Lagu Kontemporari Terbaik, Penyanyi Solo Terbaik dan Persembahan Terbaik. Kualiti penghakiman yang tidak boleh dipertikai lagi kerana mereka dihakimi oleh seramai 10 orang hakim yang pakar dalam bidang masing-masing. Majlis perasmian

penutup FNSS peringkat negeri Perak pada tahun ini juga telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah JAIPk, Sohibul Fadilah Tn Haji Harith Fadzilah bin Abdul Halim yang mewakili Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Meletakkan diri dalam kalangan 11 pasukan terbaik yang bertanding bukanlah sesuatu yang mudah. Mereka bangun selepas gagal melayakkan diri dalam Ihtifal Ilmi 2018 yang lalu dengan merangka semula gerak kerja, menambah baik sesi latihan dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan kejayaan ini menjadi milik mereka. Menyorot kembali momen-momen indah ini, mereka bermula sebagai Naib Johan Ilmi 2018, Johan Nasyid (Zon C), Johan Nasyid Kinta Utara dan meneruskan langkah ke peringkat negeri. Tanpa komitmen jurulatih, sokongan ibu bapa dan bimbingan guru-guru pasti kejayaan ini tidak dapat dicapai. Ekspektasi masyarakat yang mendambakan hiburan menjadi pembakar semangat mereka untuk berdakwah dengan medium muzik. Irama Kontemporari Menggugah Misi menjadi slogan mereka sejak ditubuhkan kira-kira 26 tahun yang lalu. Semoga penyertaan mereka ke peringkat kebangsaan nanti akan mengharumkan nama negeri Perak di persada nasyid negara.





PERKHIDMATAN JAIPK ONLINE



SISTEM PENGURusan PERKAHWINAN ISLAM MALAYSIA
www.sppim.gov.my



intim.perak.gov.my/slask



apps.halal.gov.my



ezabehjaipk.perak.gov.my



Bahagian Dakwah JAIPk



Bahagian Penyelidikan Jaipk



Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Perak

URUS SETIA PENERBITAN
BAHAGIAN DAKWAH
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK
KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JLN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK
EMEL: dakwah4perak@gmail.com
TEL : 05-2084931
FAX : 05-2555513

WAQAF PERAK AR-RIDZUAN (WPAR)

1 PROJEK-PROJEK

PROJEK	PENGGUNAAN DANA	PENERIMA MANFAAT
01 Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar USAS, Kuala Kangsar	Menyediakan penginapan pelajar dengan caj penginapan atas kos sebenar (penyelenggaraan, kelengkapan dan utiliti).	Pelajar USAS
02 Wakaf Ilmu Program MUMTAZ	Menyediakan kursus / bengkel menghadapi peperiksaan secara percuma.	Pelajar
03 Waqf Business Centre (WBC)/ Pusat Perniagaan Wakaf	Menyediakan premis perniagaan dengan sewa yang berpatutan.	Peniaga kecil
04 Wakaf Pembinaan Pusat Hemodialisis	Menyediakan rawatan dialisis dengan caj rawatan pada harga kos.	Pesakit Buah Pinggang (Asnaf)
05 Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al Quran	Menyediakan program pembelajaran dan penghayatan Al Quran secara percuma.	Umum
06 Wakaf Bot	Menyediakan bot dan peralatan lengkap dengan sewa yang berpatutan.	Nelayan persisiran pantai
07 Wakaf Dana Pembangunan Maahad Tahfiz	Menyediakan dana bagi pembangunan dan penyelenggaraan bangunan.	Maahad Tahfiz

2 PENGECAULIAN CUKAI PENDAPATAN

Sumbangan wakaf anda layak mendapat potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan di bawah subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.
No. Rujukan (8.09)248/40/7-1338(SJ.164)(8)

Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967
Derma/hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan Negara yang diluluskan.
Amaun adalah terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat.

3 KAEDAH BAYARAN :

1 Pembayaran di Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak

3 Potongan Gaji Online – Layari wakafperak.gov.my

2 Pembayaran melalui FPX – Layari wakafperak.gov.my

4 Internet Banking – Maybank2U.com

5 Pembayaran melalui EFT – Waqaf Perak Ar Ridzuan, No Akaun Maybank: 558024315712



6 Biller Code : 29892

Ref-1 : Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di wakafperak.gov.my

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit.